



# Persandingan gilang-gemilang

Oleh **ABDUL RAZAK DIN** dan **ANGELINA SINYANG**

**KUALA KANGSAR** 19 Mei - Istiadat Persandingan Diraja antara Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin Shah dan isteri, Raja Puan Besar Perak, Tuanku Zara Salim yang berlangsung di Istana Iskandariah, Bukit Chandan di sini malam ini, berjalan lancar dalam suasana sederhana tapi gilang-gemilang mengikut adat istiadat diraja Perak.

Majlis istiadat perkahwinan yang mendapat julukan *Royal Wedding of the Year* itu bermula pukul 8.40 malam dengan jejawat-jejawat istana membawa masuk 32 lembing dan payung kerajaan ke balairung seri.

Ia diikuti keberangkatan tiba Sultan Perak, Sultan Azlan Shah; Raja Permaisuri Perak, Tuanku Bainun; Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah; Sultanah Kedah, Tuanku Haminah Hamidun; Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah ditiring oleh Raja Dihilir Perak, Datuk Seri Raja Jaafar Raja Muda Musa dan Raja Puan Muda Perak, Raja Nor Mahani Raja Shahar Shah.

Pasangan pengantin diraja yang masing-masing tampil menawan memakai busana tradisional berwarna kuning diraja berangkat tiba

untuk memulakan acara bersanding di singgahsana tepat pukul 9 malam.

Serentak dengan itu, tujuh das tembakan meriam dilepaskan.

Majlis perkahwinan kemudian diteruskan dengan istiadat menepung tawar yang dimulakan oleh Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim yang juga Timbalan Yang di-Pertuan Agong diikuti Tuanku Hamimah.

Kemudian diikuti oleh Sultan Azlan Shah, Tuanku Bainun, Sultan Sharafuddin dan ke-kanda sulung Sultan Perak, Raja Datuk Seri Baharum Shah.

Turut menyempurnakan majlis menepung tawar ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Istiadat Perkahwinan Diraja itu diakhiri dengan ayahanda dan bonda Tuanku Zara, Salim Davidson dan Sharifah Azaliah Syed Omar Shahabuddin menyempurnakan upacara yang sama.

Tuanku Zara kelihatan terharu semasa ayahanda dan bondanya menyempurnakan upacara tepung tawar.

Selesai istiadat menepung tawar, Mufti Perak, Datuk Seri Harussani Zakaria membaca doa memohon keberkatan ke atas pasangan

pengantin diraja itu agar dipanjangkan perkahwinan mereka sehingga ke akhir hayat.

Majlis diakhiri dengan keberangkatan keluar pasangan pengantin dan tetamu majlis dari balairung seri menuju ke dewan santapan bagi memulakan acara santapan diraja.

Majlis persandingan yang merupakan kemuncak istiadat perkahwinan diraja itu dilaksanakan lebih 700 tetamu dan orang kenamaan yang diundang.

Antara mereka ialah Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S.Samy Vellu; Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz serta Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Aziz Shamsuddin.

Lebih istimewa istiadat persandingan ini turut dihadiri oleh kerabat diraja dan rakan rapat Raja Muda Perak dari dalam dan luar negara termasuk bekas Menteri Alam Switar Indonesia, Nabil Makarin yang merupakan rakan rapat Raja Dr. Nazrin semasa belajar di Universiti Harvard, Amerika Syarikat.

Khamis lalu, berlangsung istiadat akad nikah pasangan pengantin diraja itu diikuti sehani kemudian perisytiharan Tuanku Zara sebagai Raja Puan Besar Perak.

Sementara itu, di Arena Square di sini berlangsung majlis jumanj bagi meraihan 5,000 tetamu tajaan putera berjiwa rakyat, Raja Dr. Nazrin.

Suasana bandar Kuala Kangsar bertambah ceria dan meriah dengan pesta panjut dan pertunjukan bunga api setinggi 300 meter selama 30 minit tajaan MCA.

Tetamu di Arena Square dan di bandar raya Ipoh juga berpeluang menyaksikan Istiadat Persandingan Diraja itu secara langsung melalui tiga skrin gergasi yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI).

Bagi orang ramai yang datang menyaksikan pesta panjut turut diburukkan dengan persembahan nyanyian dan tarian kebudayaan oleh artis Kombo MBI.



**KETERANGAN GAMBAR**

- 1** ABDULLAH Ahmad Badawi menepung tawar kepada Diraja, Raja Dr. Nazrin Shah dan Tuanku Zara pada istiadat Persandingan Diraja di Istana Iskandariah Bukit Chandan, Kuala Kangsar, malam tadi.
- 2** TETAMU Diraja... (Dari kiri) Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah; Sultanah Kedah, Sultanah Haminah Hamidun; Sultan Perak, Sultan Azlan Shah; Raja Permaisuri Perak, Tuanku Bainun dan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berangkat masuk menuju singgahsana untuk istiadat Persandingan Diraja di Balairung Seri, Istana Iskandariah.
- 3** TUANKU Zara mencium tangan bonda baginda, Sharifah Azaliah Syed Omar Shahabuddin selepas menepung tawar anakandanya dan Raja Dr. Nazrin Shah pada istiadat Persandingan Diraja di Istana Iskandariah.
- 4** RAJA Dr. Nazrin Shah dan Tuanku Zara berangkat masuk menuju singgahsana untuk istiadat Persandingan Diraja di Balairung Seri, Istana Iskandariah.
- 5** ORANG ramai memenuhi kawasan Bukit Chandan di Kuala Kangsar untuk menyaksikan Istiadat Persandingan Diraja yang disiarkan secara langsung menerusi layar besar.

**Utusan @SMS**

Langgan khidmat News Alert untuk Berita Politik dengan menaip: **DAFTAR UMPOL** dan hantar ke **32773**. 1-2 SMS dihantar sehari. Setiap SMS 30 sen. Untuk batal langganan, taip: **BATAL UMPOL** dan hantar ke **32773**.